


# Panduan Permulaan Ringkas

---

# 1. Kekunci dan bahagian



1 — Penyambung USB mikro untuk menyambung ke PC serasi.

2 — Penyambung Nokia AV (3.5 mm) untuk alat dengar, fon kepala serasi serta penyambung TV -out

3 — Penyambung pengecas

4 — Kekunci kuasa

5 — Cuping telinga

6 — Sensor cahaya

7 — Sensor kehampiran

8 — Skrin sentuh

9 — Kamera kedua

10 — Kekunci Kelantangan/Zum

11 — Kekunci media

12 — Skrin dan suis pengunci kunci

13 — Kekunci penangkapan

14 — Kekunci tamat

15 — Kekunci menu

16 — Kekunci panggilan



17 — Stilus pen

18 — Kanta kamera

19 — Denyar kamera

20 — Pembesar suara

21 — Penutup slot kad SIM

22 — Penutup slot kad memori

23 — Buka tali pergelangan tangan

24 — Mikrofon

Semasa pengendalian yang dilanjutkan seperti panggilan video aktif dan sambungan data berkelajuan tinggi, peranti

## 2. Masukkan kad SIM



**Penting:** Untuk mengelakkan kerosakan kepada kad SIM, sentiasa keluarkan bateri sebelum anda memasukkan atau mengeluarkan kad.

Kad SIM mungkin telah dimasukkan ke dalam peranti. Jika tidak, lakukan yang berikut:

1. Buka penutup slot kad SIM.




## 3. Masukkan bateri


Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.

mungkin terasa panas. Dalam banyak kejadian, keadaan ini adalah biasa. Jika anda mengesyaki peranti tidak berfungsi dengan betul, bawanya ke kemudahan servis terdekat yang disahkan.

2. Masukkan kad SIM ke dalam slot. Pastikan kawasan sentuhan pada kad menghadap ke atas dan sudut yang serong menghadap ke arah peranti. Tolak kad masuk ke dalam.
3. Tutup penutup slot kad SIM. Pastikan penutup ditutup dengan betul.




Jika kad SIM tidak berada pada tempatnya dengan betul, peranti hanya boleh digunakan dalam profil luar talian.



1. Tanggalkan penutup belakang dengan mengangkatnya daripada hujung bawah peranti.



2. Masukkan bateri.




3. Untuk meletakkan semula penutup, halakan selak pengunci atas ke arah slotnya terlebih dahulu dan tekan ke bawah sehingga penutup itu terkunci pada tempatnya.



## 4. Caskan bateri

1. Sambungkan pengecas yang serasi ke alur keluar dinding.
2. Sambungkan kord kuasa kepada peranti. Jika bateri benar-benar telah kehabisan kuasa, ia mungkin mengambil sedikit masa sebelum penunjuk pengecasan mula menatal.



3. Apabila bateri telah dicas sepenuhnya, penunjuk pengecasan berhenti menatal. Putuskan sambungan

pegecas daripada peranti, kemudian daripada alur keluar dinding.

## 5. Hidupkan peranti

1. Tekan dan tahan kekunci kuasa.
2. Jika peranti meminta kod PIN atau kod kunci, masukkan dan pilih **OK**. Untuk memadam nombor, pilih ←. Tetapan kilang untuk kod kunci ialah **12345**.



**Petua:** Cabut pengecas daripada alur keluar dinding apabila pengecas tidak digunakan. Pengecas yang disambungkan ke alur keluar menggunakan kuasa walaupun ia tidak disambungkan kepada peranti.

3. Pilih lokasi anda. Jika anda terpilih lokasi yang salah secara tidak sengaja, pilih **Balik**.
4. Masukkan tarikh dan masa. Apabila menggunakan format 12-jam, untuk beralih antara a.m. dan p.m., pilih sebarang nombor.

## 6. Stilus

Sesetengah fungsi, seperti pengecam tulisan tangan direka bentuk untuk digunakan bersama stilus. Stilus pen terletak dalam penutup belakang peranti.



**Penting:** Gunakan hanya stilus yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini. Menggunakan sebarang stilus lain boleh mentaksahkan sebarang jaminan yang berkaitan dengan peranti ini dan boleh merosakkan skrin sentuh. Elakkan daripada mencalarakan skrin sentuh. Jangan sekali-kali gunakan pen atau pensel sebenar atau objek tajam yang lain untuk menulis pada skrin sentuh.

## 7. Kunci kekunci dan skrin sentuh

Untuk mengunci atau membuka kunci skrin sentuh dan kekunci, luncurkan suis kunci pada sisi peranti.

Apabila skrin sentuh dan kekunci dikunci, skrin sentuh dimatikan dan kekunci tidak aktif.

Skrin dan kekunci boleh dikunci secara automatik setelah sesuatu tempoh tidak aktif. Untuk menukar tetapan untuk

penguncian skrin dan kekunci secara automatik, pilih **Menu > Tetapan dan Telefon > Pengurusan tel. > Kawal kekunci auto > Tmpah kunci auto pad kekunci.**

## 8. Skrin utama


Skrin utama adalah titik permulaan anda di mana anda boleh mengumpul semua pintasan kenalan atau aplikasi penting anda.

## Unsur paparan interaktif

Untuk membuka aplikasi jam, ketuk jam (1).

Untuk membuka kalendar atau menukar profil dalam skrin utama, ketuk data atau nama profil (2).

Untuk melihat atau menukar tetapan kesambungan ( $\rightleftharpoons$ ), untuk melihat LAN wayarles yang tersedia sama ada imbasan WLAN didayakan, atau untuk melihat peristiwa yang terlepas, ketuk sudut kanan sebelah atas (3).




Untuk membuat panggilan telefon, pilih  (4).

Untuk membuka Kenalan, pilih  (5).

Untuk membuka menu utama, tekan kekunci menu (6).

## Mula gunakan bar kenalan

Untuk mula menggunakan bar kenalan dan menambah kenalan anda pada skrin utama, dalam skrin utama, pilih  > **Tmbh kenalan ke Skrin Utama**, dan ikut arahan.

## Tukar tema skrin utama

Untuk menukar tema skrin utama atau pintasan, pilih **Menu** > **Tetapan** dan **Peribadi** > **Skrin Utama**.

## 9. Mengakses menu

Untuk mengakses menu, tekan kekunci menu.

Untuk membuka aplikasi atau folder dalam menu, ketik ia.

## 10. Tindakan skrin sentuh

### Ketik dan ketik dua kali

Untuk membuka aplikasi atau elemen lain pada skrin sentuh, anda biasanya mengetiknya dengan jari anda atau stilus. Walau bagaimanapun, untuk membuka item berikut, anda mesti mengetiknya dua kali.

- Senaraikan item dalam aplikasi, seperti folder Draf dalam senarai folder dalam Mesej



**Petua:** Apabila anda membuka paparan senarai, item pertama telah diserlahkan. Untuk membuka item yang diserlah, ketikinya sekali.

- Aplikasi dan folder dalam menu apabila menggunakan jenis paparan senarai
- Fail dalam senarai fail, contohnya, imej dalam paparan imej dan video dalam Galeri.

Jika anda mengetik fail atau item yang serupa sekali, ia tidak dibuka, ia menjadi terserlah. Untuk melihat pilihan yang tersedia untuk item tersebut, pilih **Pilihan** atau, jika tersedia, pilih ikon dari bar alat.

### Pilih

Dalam dokumentasi pengguna ini, membuka aplikasi atau item dengan mengetiknya sekali atau dua kali disebut "memilih". Jika anda perlu memilih beberapa item secara berturutan, teks paparan untuk dipilih diasingkan dengan menggunakan anak panah.



**Contoh:** Untuk memilih **Pilihan** > **Bantuan**, ketik **Pilihan**, dan kemudian ketik **Bantuan**.

### Seret

Untuk menyeret, letakkan jari anda atau stilus pada skrin, dan luncurkannya merentasi skrin.



**Contoh:** Untuk menatal ke atas atau bawah pada halaman web, seret halaman dengan jari anda atau stilus.

### Leret

Untuk meleret, luncurkan jari anda dengan cepat ke kiri atau kanan di atas skrin.



**Contoh:** Semasa melihat imej, untuk melihat imej seterusnya atau sebelumnya, leret imej ke kiri atau kanan, masing-masing.




### Tatal

Untuk menatal ke atas atau bawah dalam senarai yang mempunyai bar tatal, seret gelangsar bar tatal.

Dalam sesetengah pameran senarai, anda boleh menatal dengan meletakkan jari anda atau stilus pada item senarai dan menyeret ke atas atau bawah.




**Contoh:** Untuk menatal melalui kenalan letakkan jari anda atau stilus pada kenalan dan seret ke atas atau bawah.


 **Petua:** Untuk melihat huraian ringkas mengenai ikon dan butang, letakkan jari anda atau stilus pada ikon atau butang. Huraian tidak tersedia untuk semua ikon dan butang.

## Lampu skrin sentuh

Lampu skrin sentuh dimatikan setelah sesuatu tempoh tidak aktif. Untuk menghidupkan lampu skrin, ketik padanya.

## 11. Kekunci media

Untuk mengakses aplikasi seperti pemain muzik atau penyemak imbas, ketik kekunci media () untuk membuka bar media dan pilih aplikasi.

 **Petua:** Tekan dan tahan jari anda atau stilus pada ikon



Jika skrin sentuh dan kekunci dikunci, mengetik skrin tidak menghidupkan lampu skrin. Untuk membuka kunci skrin dan kekunci, luncurkan suis kunci.

untuk melihat nama aplikasi.

## 12. Tukar nada dering

Pilih **Menu** > **Tetapan** dan **Peribadi** > **Profil**.

Anda boleh menggunakan profil untuk menetapkan dan menyesuaikan nada dering, nada amaran mesej, dan nada

lain untuk peristiwa, persekitaran, atau kumpulan pemanggil. Untuk memperibadikan profil, tatal ke profil, dan pilih **Pilihan** > **Peribadikan**.

## 13. Sokongan Nokia

Untuk mencari versi terkini panduan ini, maklumat tambahan, muat turun dan perkhidmatan yang berkaitan dengan produk Nokia anda, lihat [www.nokia-asia.com/support](http://www.nokia-asia.com/support) atau tapak web Nokia tempatan.

### Perkhidmatan tetapan tatarajah

Untuk memuat turun tetapan tatarajah seperti MMS, GPRS, e-mel, dan perkhidmatan lain untuk model telefon anda, lihat [www.nokia-asia.com/setup](http://www.nokia-asia.com/setup).

### Perkhidmatan Layanan Nokia

Jika anda ingin menghubungi perkhidmatan



## 14. Panduan pengguna

Rujuk kepada panduan pengguna untuk maklumat penting lain mengenai peranti anda.

Layanan Nokia, semak senarai pusat perhubungan Layanan Nokia di [www.nokia-asia.com/contactus](http://www.nokia-asia.com/contactus).

### Penyelenggaraan

Untuk perkhidmatan penyelenggaraan, cari pusat Layanan Nokia anda yang terdekat di [www.nokia-asia.com/repair](http://www.nokia-asia.com/repair).